



UNTUK SIARAN SEGERA

27hb Oktober 2025

Greenpeace Melancarkan Laporan: *The ASEAN Haze Trauma*

Greenpeace mengulangi seruan untuk menuntut syarikat-syarikat Malaysia terlibat dalam jerebu rentas sempadan akibat kebakaran hutan dan tanah gambut di Indonesia dipertanggungjawabkan

Kuala Lumpur — Greenpeace Malaysia dan Greenpeace Indonesia hari ini bersama-sama melancarkan laporan jerebu bertajuk: *The ASEAN Haze Trauma*, yang mendedahkan bahawa antara 1.16 hingga 2.13 juta hektar tanah telah dibakar pada tahun 2023. Laporan ini dikumpul berdasarkan analisis kesan kebakaran yang dilaporkan pada tahun 2019, yang menunjukkan corak kebakaran berulang sejak tahun 2015. Sepanjang tempoh tersebut, keselamatan makanan di Indonesia terjejas teruk, terutamanya dalam kalangan komuniti miskin bandar. Pengurangan cahaya matahari semasa episod jerebu yang teruk didapati menjejaskan kadar pertumbuhan padi hibrid sehingga 50%, sekali gus menurunkan produktiviti tanaman dan bekalan makanan tempatan.

Walaupun hampir sedekad bukti jelas menunjukkan penglibatan syarikat-syarikat yang sepenuhnya atau sebahagiannya dimiliki rakyat Malaysia dalam kebakaran hutan dan tanah gambut di Indonesia yang mencetuskan jerebu rentas sempadan, tindakan tegas masih belum diambil. Pada tahun 2019, Kementerian Alam Sekitar dan Perhutanan Indonesia telah menyita tanah milik 62 syarikat yang didapati melakukan kesalahan pembakaran hutan. Sebanyak 20 syarikat-syarikat tersebut merupakan syarikat asing, termasuk enam dari Malaysia dan sembilan dari Singapura. Antara syarikat-syarikat yang dinamakan termasuk Genting Group, IOI Corporation Berhad, Kuala Lumpur Kepong Berhad, Sime Darby Plantation (kini SD Guthrie Berhad), Ahmad Zaki Resources Berhad, dan TDM Berhad — namun kebanyakannya masih terlepas daripada hukuman berat atau penggantungan lesen.

Hasil penemuan daripada laporan tersebut menekankan keperluan mendesak kerajaan-kerajaan ASEAN untuk memperkukuh penguatkuasaan dan memastikan syarikat-syarikat yang terlibat dipertanggungjawabkan atas kemusnahan alam sekitar rentas sempadan. Sempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 yang sedang berlangsung di Kuala Lumpur, Greenpeace menyeru para pemimpin serantau untuk mengiktiraf dan mengisytiharkan secara rasmi *ASEAN Environmental Rights Framework* — satu komitmen serantau yang mengikat

secara undang-undang bagi menjamin perlindungan alam sekitar, keadilan, serta hak terhadap alam sekitar yang bersih untuk semua.

Ketua Juru Kempen Greenpeace Malaysia Heng Kiah Chun, berkata:

“Pencemaran jerebu rentas sempadan bukan sekadar isu alam sekitar — ia adalah krisis serantau yang melibatkan keadilan, kesihatan, dan hak asasi manusia. Selama beberapa dekad, rakyat di seluruh Asia Tenggara terus terperangkap dalam kitaran jerebu, penyakit, dan ketiadaan tindakan yang berulang. ASEAN mesti berhenti berjanji kosong dan beraksi menzahirkan hak alam sekitar sebagai perlindungan hakiki untuk rakyat negara-negaranya. Walaupun Malaysia meraikan pengecualian tarif di bawah Perjanjian Perdagangan baharu dengan Amerika Syarikat — yang merangkumi 1,711 produk eksport termasuk minyak sawit — pengiktirafan perdagangan ini tidak memberi makna jika tanah gambut terus terbakar. Sebagai Pengerusi ASEAN, inilah peluang untuk Malaysia membuktikan kepimpinan sebenar melalui rantai bekalan yang telus dan bebas jerebu, demi melindungi masyarakat sejagat serta Bumi serantau.”

Greenpeace menegaskan bahawa kemajuan serantau tidak akan dicapai tanpa iltizam bersama dan keazaman yang teguh. Oleh itu, kami menggesa dengan tegas agar para pemimpin ASEAN:

- **Mengintegrasikan Hak Alam Sekitar ke dalam *ASEAN Framework*.**
- **Memperkukuh komitmen undang-undang di peringkat nasional dan serantau.**

Dan kami menyeru **kerajaan Malaysia** untuk:

- **Meminda Perlembagaan Persekutuan** bagi mengiktiraf secara jelas hak terhadap persekitaran yang selamat, bersih, sihat, dan lestari sebagai hak asasi setiap individu.
- **Menggubal rangka kerja perundangan yang komprehensif untuk udara bersih**, seperti **Akta Udara Bersih** yang merangkumi mekanisme jerebu rentas sempadan.
- **Memastikan syarikat-syarikat Malaysia dipertanggungjawabkan** atas penglibatan mereka dalam jerebu rentas sempadan akibat kebakaran hutan dan tanah gambut, pembalakan berlebihan, serta kemusnahan alam sekitar di dalam dan luar negara.

Awal bulan ini, Greenpeace Malaysia telah melaksanakan aksi pembersihan dengan stensil menggunakan semburan air tekanan tinggi di Kuala Lumpur, mengubah permukaan kota yang

kotor menjadi mesej awam yang menyeru kerajaan Malaysia dan pemimpin ASEAN untuk memperjuangkan ***ASEAN for Environmental Rights*** kerana **Ahli Politik Bercakap. Pemimpin Bertindak.** Aksi aman ini melambangkan kekuatan kepemimpinan sejati serta keperluan mendesak untuk kerjasama serantau yang tegas demi melindungi manusia dan Bumi.